

PROMOSI RM2 PULANGAN TUNAI ATAS TRANSAKSI PERTAMA DENGAN KAD DEBIT HONG LEONG

Dikemaskini pada 8 Februari 2018

TEMPOH PROMOSI

“Promosi RM2 Pulangan Tunai atas Transaksi Pertama dengan Kad Debit Hong Leong” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada **8 Februari 2018** dan berakhir pada **31 Disember 2018**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT (“Terma & Syarat”)

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada Pemegang Kad Debit Hong Leong baharu terpilih warga Malaysia dan telah menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) daripada HLB (“Pemegang Kad”). Pemegang Kad yang tidak menerima SMS dianggap tidak layak menyertai Promosi ini dan HLB tidak akan melayani sebarang pertikaian berhubung dengan ketidakterimaan SMS oleh Pemegang Kad.

Pada dasarnya Pemegang Kad berkewajipan memastikan bahawa nombor telefon bimbit mereka yang didaftarkan dengan HLB adalah betul dan terkini ketika mendaftar diri untuk Kad Debit Hong Leong supaya boleh menerima SMS, oleh itu HLB tidaklah bertanggungjawab jika Pemegang Kad tiada menerima SMS atas apa jua sebab sekalipun.

2. Mereka yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Promosi ini:
 - i. Pemegang Kad yang memiliki Kad Debit HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - ii. Pemegang Kad yang akaun Kad Debit mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debit mereka telah ditaksahkan atau dibatalkan oleh HLB;
 - iii. Pemegang Kad yang merupakan pelanggan Perbankan Peribadi HLB; dan
 - iv. Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada HLB atau HLISB atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.

KAEDAH PROMOSI

3. Pemegang Kad akan layak menerima pulangan tunai sebanyak **Ringgit Malaysia Dua (RM2)** atas transaksi runcit **pertama** mereka (“Pulangan Tunai”) menggunakan Kad Debit Hong Leong baharu mereka dengan perbelanjaan minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** dalam satu resit bagi bulan berkenaan (“Bulan Promosi”) setelah menerima SMS daripada HLB (“Kriteria Promosi”). Sebagai contoh, jika Pemegang Kad menerima SMS daripada HLB pada 8 Februari 2018, dia mestilah memenuhi Kriteria Promosi pada/atau sebelum 28 Februari 2018.
4. Transaksi runcit bermaksud pembelian runcit yang diurusniaga dalam Ringgit Malaysia (RM) dan mata wang asing yang lain. Transaksi runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
5. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi runcit termasuk pembelian di tempat jualan, pembelian dalam talian, pengebilan automatik dan tambah nilai Touch ‘n Go tetapi tidak termasuk yang berikut ini:

- i. Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, berunsurkan penipuan atau menyalahi undang-undang; atau
 - ii. Pembayaran Fi Pengeluaran/ Fi Tahunan/ Fi Pembaharuan Kad Debit; atau
 - iii. Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti) yang dikenakan oleh HLB atau HLISB.
6. HLB akan menjejaki kelayakan Pemegang Kad bagi Pulangan Tunai secara automatik pada penghujung setiap Bulan Promosi berdasarkan Kriteria Promosi dipenuhi dan hanya transaksi runcit yang berjaya sahaja dan direkodkan serta dicatatkan dalam sistem HLB akan dikira layak menerima Pulangan Tunai. Pendaftaran untuk penyertaan tidak diperlukan.
7. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan menghantar dan/atau memasukkan dalam sistem HLB sehingga boleh menyebabkan Pemegang Kad tertinggal daripada menerima atau tidak berhak menerima Pulangan Tunai dalam Promosi atas apa jua sebab sekalipun.
8. Pulangan Tunai dihadkan kepada **lima belas ribu (15,000)** Pemegang Kad setiap Bulan Promosi yang telah memenuhi Kriteria Promosi atas dasar siapa cepat dia dapat (“Pemegang Kad Layak”). Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Kad Layak hanya akan mendapat Pulangan Tunai satu (1) kali bagi keseluruhan Tempoh Promosi, biarpun Pemegang Kad telah memohon lebih daripada satu (1) Kad Debit Hong Leong semasa Tempoh Promosi.
9. Jumlah pembayaran Pulangan Tunai ialah **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)** bagi setiap Bulan Promosi dan **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tiga Puluh Ribu (RM330,000)** bagi sepanjang Tempoh Promosi.
10. Kad Debit Hong Leong Pemegang Kad Layak dan Akaun Pembelian Runcit sertaan masing-masing (“RPA”) mestilah kekal sah dan aktif dengan baki RPA minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)** pada masa penyarian data bagi tujuan pengkreditan Pulangan Tunai, jika tidak, Pemegang Kad Layak akan terlucut kelayakannya daripada menerima Pulangan Tunai dan Pulangan Tunai itu akan dilupuskan.
11. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam RPA Pemegang Kad Layak dalam masa dua belas (12) minggu selepas berakhirnya Bulan Promosi. Namun begitu, HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan mengkreditkan Pulangan Tunai.
12. Setelah Pulangan Tunai berjaya dikreditkan Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB melalui SMS dan/atau penyiaran senarai Pemegang Kad Layak dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) dalam masa dua belas (12) minggu selepas berakhirnya Bulan Promosi.
13. Pemegang Kad yang tidak menerima pemberitahuan tersebut daripada HLB selewat-lewatnya minggu ke-12 setelah tamatnya Bulan Promosi dianggap **TIDAK** berhak menerima Pulangan Tunai.
14. Pemegang Kad Layak bertanggungjawab memberitahu HLB melalui surat jika tiada menerima Pulangan Tunai tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh penerimaan pemberitahuan yang disebut dalam Fasal 12 di dalam ini, jika gagal berbuat demikian, maka mereka akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai daripada HLB. HLB tidak akan melayani sebarang aduan ketidakterimaan Pulangan Tunai oleh Pemegang Kad Layak setelah luputnya tempoh masa satu (1) bulan.
15. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) (“M3Tech”).
16. Pemegang Kad Layak dengan ini memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada M3tech untuk tujuan Promosi ini.

17. Pemegang Kad Layak juga dengan ini memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor Kad Debit Hong Leong (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan (jika berkenaan) untuk tujuan Promosi.

UMUM

18. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad:
 - i. Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
 - ii. Bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong yang di bawahnya tertakluk transaksi RPA dan transaksi Kad Debit, atau mana-mana terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan jika terdapat sebarang percanggahan;
 - iii. Bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh berpindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - iv. Bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani; dan
 - v. Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
19. HLB berhak:
 - i. Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Pulangan Tunai dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya menurut budi bicara mutlakanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB;
 - ii. Menentukan transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad jika transaksi tersebut hendak dianggap sebagai transaksi runcit;
 - iii. Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Layak atas apa jua sebab sekalipun, yang didapati wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlakanya daripada menyertai Promosi dan/atau berhak menerima Pulangan Tunai; dan
 - iv. Melupakan Pulangan Tunai jika Pemegang Kad Layak gagal mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong.
20. Pemegang Kad Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi dan/atau kelayakan mereka untuk menerima Pulangan Tunai.
21. Terma dan syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
22. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong yang dipautkan kepada Kad Debit Hong Leong layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).